



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 MEI 2024**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TRANSFORMASI PERTANIAN KUKUH KETERJAMINAN MAKANAN, KOMENTAR, BH-11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MALAYSIA, ARAB SAUDI BINCANG SEKTOR PERTANIAN, TINGKAT AKSES PASARAN, SH-ONLINE	
3.	HARUMANIS ASLI PALING SEDAP, DALAM NEGERI, UM-34	LAIN-LAIN
4.	12,300 TAN BAWANG HOLLAND CUBA DIBAWA KE INDONESIA, NEGARA, KOSMO-15	
5.	AHLI KOPERASI TANAM PADI HUMA DI HALAMAN RUMAH, NEGERI, SH-27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

9/5/2024

BERITA KOMENTAR

11

HARIAN

Transformasi pertanian kukuh keterjaminan makanan

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Prof Madya Dr Melissa Shahrom
bhrencana@bh.com.my

Isu keterjaminan makanan adalah antara perkara menjadi perhatian penting kerajaan ketika ini, susulan negara sering berdepan cabaran untuk memastikan sumber dan bekalan makanan mencukupi susulan krisis global kebelakangan ini.

Sekiranya tiada langkah serius diambil, isu ini pasti meruncing, membebaskan golongan di hujung hiliran rantai bekalan khususnya masyarakat awam sebagai pengguna.

Dipengaruhi kesan masalah perubahan iklim global, kenaikan harga jualan pertanian import, ketidaktentuan harga bahan mentah dunia sehingga mempengaruhi input pertanian tempatan seperti racun dan baja, bekalan makanan negara bagi menampung permintaan dan keperluan penduduk dijangka terjejas.

Kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), mengambil langkah proaktif dan intervensi bagi mempertingkatkan produktiviti pertanian, termasuk menerus serta menambah peruntukan dalam bentuk subsidi, mewujudkan sektor dan subsektor pertanian baharu, membuka lebih banyak kawasan aktiviti pertanian dan menggalakkan penggunaan teknologi terkini seperti pertanian

pintar. Konsep pertanian pintar merujuk kepada aktiviti pertanian sedia ada diasimilasikan de-

ngan penggunaan intensif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Konsep ini mungkin tidak asing di negara maju, khususnya menghasilkan output pertanian berskala besar namun, konsep ini masih baharu dan mungkin kurang diketahui pengusaha pertanian khususnya di luar bandar.

Mudah dapat maklumat tepat

Berbandukan peralatan dan perisian berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IoT), aplikasi mudah alih serta peranti sensor dipasang seluruh kawasan pertanian, ia memudahkan petani mendapat maklumat lebih tepat dalam pertanian dan data dianalisis untuk membuat keputusan lebih baik serta tepat, berdasarkan keadaan semasa, bukannya berdasarkan jadual rutin statik.

Sebelum ini, segala aktiviti pertanian, termasuk proses penanaman benih, pembajaan, penjagaan dan penuaian lebih tertumpu kaedah tradisional, pertanian pintar mampu membantu petani menambah baik keseluruhan proses.

Ini termasuk memantau keadaan tanah dan cuaca persekitaran secara masa sebenar, mengurus ladang berdasar data sebenar, mengoptimumkan input sepatutnya untuk air, baja dan racun serangga, serta penggunaan automasi tugas pertanian.

Pertanian pintar juga mampu mengurangkan bergantung sumber tenaga kerja manusia. Khususnya melakukan aktiviti berat. Ini bukan bermaksud mengurangkan jumlah petani di lapangan tetapi menaik taraf keupayaan petani melakukan lebih kerja berkaitan pemantauan dan pengurusan sistem.

Kerja berat seperti menyiram, pembajaan dan kawalan perosak boleh digantikan dengan kaedah automasi dikawal secara pintar. Sebagai contoh, penggunaan dron untuk menyembur baja dan racun serangga bukan sahaja menjimatkan masa, malah mampu meliputi kawasan luas, berbanding tenaga manusia.

Selain itu, aplikasi mudah alih bersesuaian juga boleh dibangunkan bagi membolehkan pengusaha ladang memantau dan mengendalikan kegiatan pertanian dari jarak jauh.

Bagi merealisasikan pertanian pintar secara lebih meluas, ia tidak boleh dilakukan secara terburu-buru dan sekelip mata. Selain penyediaan infrastruktur fizikal dan digital, petani harus bersedia melonjakkan pengoperasian seterusnya.

Aspek latihan dan kesedaran perlu rancak dijalankan, termasuk melatih dan melahirkan golongan pengusaha pertanian generasi baharu celik dan pintar teknologi serta cekap ilmu pengurusan perniagaan moden.

KPKM dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama agensi berkaitan seperti MARDI, FAMA dan Yayasan Inovasi Malaysia disarankan mencari langkah terbaik mewujudkan kerjasama strategik awam - swasta dalam menyemarak usaha melahirkan lebih ramai usahawan pertanian pintar dan menghasilkan lebih banyak inovasi berimpak tinggi di dalam sektor ini.

Selain memperkasakan pembinaan ekonomi, pertanian pintar berpotensi mengurangkan kos pengeluaran, mengurangkan risiko penyakit pertanian dan mengurangkan impak negatif alam se-



Pensyarah Jabatan Teknologi dan Pengajian Rantai Bekalan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

MALAYSIA, ARAB SAUDI BINCANG SEKTOR PERTANIAN, TINGKAT AKSES PASARAN

08 Mei 2024 07:20pm



Mohamad ketika menerima kunjungan hormat Menteri Perdagangan Arab Saud bersama rombongan di Wisma Tani, Putrajaya. Foto FB Mohamad Sabu

PUTRAJAYA - Malaysia dan Arab Saudi telah mengadakan perbincangan dua hala yang antara lain menyentuh mengenai sektor pertanian, penyelidikan dan usaha untuk meningkatkan akses pasaran antara kedua-dua negara, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

KPKM dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menekankan potensi beberapa produk Malaysia untuk dieksport ke Arab Saudi seperti buah-buahan tropika, produk nilai tambah haiwan dan makanan haiwan, produk sedia untuk dimakan, produk telur dan tenusu serta produk akuatik seperti ikan patin sejuk beku.

Semalam, Menteri Perdagangan Arab Saudi, Dr Majid Abdullah Al-Kassabi telah mengadakan kunjungan hormat keatas Mohamad di pejabatnya di sini.



Mohamad turut mempelawa Arab Saudi menyertai MAHA 2024 yang bakal diadakan pada 11 hingga 22 September. Foto FB Mohamad Sabu

"Pada pertemuan itu pihak Arab Saudi telah berkongsi inisiatif inovasi Wawasan 2030 Arab Saudi yang boleh dimanfaatkan Malaysia terutamanya dalam bidang pertanian serta membuka peluang kerjasama baharu bagi kedua-dua negara," menurut kenyataan itu.

Menurutnya, Mohamad turut mempelawa Arab Saudi menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang bakal diadakan pada 11 hingga 22 September.

Arab Saudi merupakan rakan dagangan, destinasi eksport ketiga dan sumber import terbesar Malaysia.

Data perdagangan pertanian pada 2023 merekodkan nilai eksport Malaysia ke Arab Saudi sebanyak RM2.64 bilion, yang menyumbang perdagangan positif kepada negara. - Bernama

9/5/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Perlis tidak terganggu dakwaan harumanis Kedah semakin popular

'Harumanis asli paling sedap'

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Harumanis Perlis tetap menjadi pilihan utama rakyat negara ini sebagai harumanis asli yang paling sedap disebabkan keyakinan kerajaan Kedah bahawa harumanis negeri itu bakal mengatasi harumanis Perlis.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis negeri, Datuk Hashim Suboh berkata, Perlis sama sekali tidak akan terganggu dengan kenyataan seperti itu berdasarkan semua sedia maklum bahawa harumanis asli tetap dari negeri ini.

Katanya, daripada segi geografi kawasan tanaman di Perlis yang cuacanya panas dengan kebiasaan 35 ke 40 darjah Celsius menjadi antara faktor hasil tanaman harumanis di Perlis manis dan sedap.

"Biarlah nak kata apa pun, apa yang pasti yang tetap sedap dan original (asli) tetap harumanis Perlis. Yang penting pertahankan kualiti, tidak payah rasa terganggu.

"Asas dia, di kawasan tanaman yang lebih kering akan lebih manis dan jikalau tanah kebun basah harumanis tidak berapa hendak jadi. Bila banyak air ada kesan terhadap tahap kemanisan buah



SEORANG pekerja kebun harumanis menunjukkan isi harumanis di Sungai Batu Pahat, Perlis semalam.
-UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

harumanis berkenaan
"Terpulang Kedah nak buat apa, tapi orang Malaysia tetap nak cari harumanis Perlis. Kalau hendak rasa paling sedap pasti kan harumanis Perlis ini sentiasa menjaga kualiti," katanya.

Baru-baru ini, media melaporkan, harumanis Kedah yang dijenamakan semula sebagai Harumanis D'Aman semakin popular

dan mendapat perhatian divakini Perlis pada masa akan datang. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Samusi Md Nor melaporkan berkata, harumanis Kedah berpeluang mendominasi pasaran mangga dalam masa terdekat di Malaysia meskipun baru dilancarkan tahun lalu selain harumanis Kedah dilihat memi-

liki keluasan saiz dan tanaman melebihi negeri lain.

"Hai, 80 tiang tinggal (jauh meninggalkan) harumanis Perlis dari segi keluasan saiz dan mannyanya dan banyak produk dia, harumanis ini asalnya dari Kedah cuma dikomersialkan di negeri lain," kata Menteri Besar Kedah itu.

12,300 tan bawang holland cuba dibawa ke Indonesia

KUCHING – Pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM) mematahkan kegiatan dua lelaki tempatan menyeludup keluar 12,300 tan bawang holland ke Indonesia.

Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (MK PMTTD) berkara, tangkapan dilakukan oleh sepasukan anggota TDM yang menjalankan rondaan di Ladang Kelapa Sawit Empaling Kampung Stass, Bau pada jarak kira-kira 400 meter dari sempadan Indonesia pada pukul 9.30 malam kelmarin.

Katanya, ia hasil penahanan dua buah lori jenis Toyota Dyna dan Mitsubishi Canter yang se-



DUA lelaki tempatan yang ditahan oleh pasukan TDM ketika menyeludup keluar 12,300 tan bawang holland ke Indonesia di Kampung Stass, Bau malam kelmarin.

dang membawa muatan yang

bertutup menuju ke Indone-

sia dengan menggunakan jalan

tidak sah.

“Hasil pemeriksaan mendapati

kedua-dua kenderaan tersebut di-

pandu oleh warga tempatan yang

berumur 32 tahun dan 53 tahun.

“Lori jenis Toyota Dyna mem-

bawa muatan sebanyak 5,300 kilogram bawang holland di-anggarkan bernilai RM26,500, manakala Mitsubishi Canter membawa muatan sebanyak 7,000 kilogram bawang holland dianggarkan berjumlah RM35,000,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Kenyataan itu menambah, kesemua hasil rampasan termasuk dua buah lori dianggarkan berjumlah RM181,500.

Katanya, kesemua barang rampasan beserta dua orang yang ditahan diserahkan kepada Balai Polis Bau untuk tindakan selanjutnya.

Ahli koperasi tanam padi huma di halaman rumah

MARANG - Seramai 20 ahli Koperasi Kariah Masjid Kampung Tebakang Marang Berhad (KOMIT) mengambil inisiatif mengusahakan tanaman padi huma di halaman rumah untuk kegunaan sendiri sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan harian mereka.

Setiausahanya, Muhammad Khaidhir Hussin berkata, projek tanaman padi dalam pasu, atas tanah dan bekas plastik itu dimulakan sejak November lepas bagi menampung keperluan sumber makanan penduduk.

Beliau berkata, pada peringkat awal semua benih padi huma dari jenis Basmati, Tangkai Langsat dan Jarum Galah yang diperoleh dari luar negara itu dibekalkan oleh koperasi secara percuma untuk peserta.

"Pada asalnya KOMIT mengusahakan tanaman padi huma bersama-sama pokok kelapa di kawasan seluas satu ekar di kawasan bukit Kampung Tebakang tahun

lepas.

"Kita sudah berjaya tuai hasil pertama awal tahun ini dan sedang tunggu waktu yang sesuai untuk tanam padi kali kedua di kawasan sama," katanya ketika ditemui di Kampung Tebakang, di sini pada Selasa.

Sementara itu, seorang ahli KOMIT Zaimah Abdullah, 71, berkata, dia mula mengusahakan tanaman padi di halaman rumahnya sejak November lepas.

Menurutnya, walaupun hasilnya tidak banyak, ia sekurang-kurangnya dapat menampung sedikit keperluan beras untuk kegunaannya sekeluarga.

"Tanam padi huma memang sangat mudah, tak perlu jaga sangat. Penggunaan air pun sangat minimum," katanya.

Selain itu, katanya padi jenis Basmati yang ditanamnya juga hanya memerlukan jangka masa pendek iaitu antara tiga hingga empat bulan untuk dituai. -
Bernama

FOTO: BERNAMA



Zaimah menunjukkan padi huma yang ditanam di pekarangan rumahnya di Kampung Tebakang, Marang.